



INTERNATIONAL JOURNAL OF
CREATIVE INDUSTRIES
(IJCREI)
www.ijcrei.com



EMOSI POSITIF PEMIMPIN MELAYU DAHULU DALAM TEKS TRADISIONAL MELAYU

THE IDENTIFY POSITIVE EMOTIONS OF THE EARLY MALAY LEADERS IN THE MALAY TRADITIONAL TEXTS

Nurul Norasuwat Rosli^{1*}, Nordiana Hamzah², Farra Humairah Mohd³

¹ Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: nurulnorasuwatrosli94@gmail.com

² Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

³ Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: farrahumairah@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.12.2020

Revised date: 11.01.2021

Accepted date: 15.01.2021

Published date: 01.03.2021

To cite this document:

Rosli, N. N., Hamzah, N., & Mohd, F. H. (2021). Emosi Positif Pemimpin Melayu Dahulu Dalam Teks Tradisional Melayu. *International Journal of Creative Industries*, 3 (6), 01-15.

DOI: 10.35631/IJCREI.36001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti emosi positif pemimpin Melayu dahulu dalam teks tradisional Melayu iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Berdasarkan penulisan pengarang, dapat dilihat emosi yang dimiliki oleh watak-watak pemimpin Melayu dahulu dalam setiap teks. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Terdapat dua reka bentuk kajian iaitu kajian kepustakaan dan kajian teks. Kajian ini akan menggunakan dua gabungan teori iaitu teori Rasa Fenomologi dan Psikoanalisis Sigmund Freud. Teks tradisional iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT) digunakan sebagai sumber data utama kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah senarai semak berdasarkan teori yang digunakan. Teknik mengumpul data ialah teknik pemerhatian yang kemudiannya menghasilkan jadual senarai semak berdasarkan teori yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan emosi positif pemimpin Melayu dahulu yang terdapat dalam tiga teks tradisional terpilih. Kajian ini diyakini mampu memperjelaskan emosi positif pemimpin Melayu dahulu yang ada dalam teks tradisional kepada pengkaji baru. Implikasi kajian ini ialah sebagai garis panduan kepada pemimpin-pemimpin Melayu pada masa ini dalam menangani emosi.

Kata Kunci:

Emosi Positif, Pemimpin Melayu, Teori Rasa Fenomenologi, Teori Psikoanalisis Sigmund Freud, Teks Tradisional

Abstract:

This research intends to identify the positive emotions of the early Malay leaders in the Malay traditional texts named Hikayat Raja Pasai (HRP), Hikayat Merong Mahawangsa (HMM), and Hikayat Hang Tuah (HHT). The emotions of all the early Malay leaders were identifiable through the authors' writings in each text. There are two theories to be combined and utilized in this research: Phenomenology of Feeling and Sigmund Freud Psychoanalysis. The three aforementioned traditional texts were used as the main data sources in this research. A checklist based on utilized theories was administered and the data collection method used was an observation; then a checklist table was generated based on the used theories. The results show the positive emotions of the early Malay leaders as observable in the traditional texts. This research may lend valuable insights about the positive emotions of early Malay leaders in the traditional texts to future researchers. The implication of this study is as guidance to the Malay leaders at this time in dealing with emotions.

Keywords:

Positive Emotions, Malay Leaders, Phenomenology Of Feeling, Sigmund Freud Psychoanalysis, Traditional Texts

Pengenalan

Ruang lingkup yang diterokai dalam kajian ini ialah emosi positif yang berfokuskan emosi tenaga pemimpin Melayu dahulu dalam teks tradisional Melayu. Kajian ini menitikberatkan aspek emosi dalaman watak dalam karya hikayat yang digambarkan melalui penulisan pengarang, emosi pengarang dan emosi pembaca. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti emosi tenaga dalaman watak yang dibina oleh pengarang dan hubungannya dengan emosi dalam karya. Secara tidak langsung pembaca berkemampuan untuk mendalami emosi-emosi yang dibangkitkan melalui watak-watak pemimpin Melayu dahulu dalam teks yang terlibat. Maka, kajian ini berkaitan hikayat Melayu dahulu yang mengaplikasikan dua gabungan teori iaitu Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Oleh itu, kajian ini akan melihat menganalisis emosi positif dengan karya, serta mengenal pasti aspek-aspek yang memperlihatkan emosi positif dalaman watak.

Seterusnya, seseorang membaca teks tradisional Melayu, pembaca dapat menghayati pengalaman emosi saat pembacaan dan mengharapkan untuk merasakan pengalaman emosi dalam pembacaan. Menurut Sudarsono (1993), emosi ialah satu keadaan yang kompleks yang seseorang individu yang mengalami sesuatu perasaan akan merasai perubahan-perubahan dalam organ tubuh yang sifatnya luas, kebiasaannya hadir juga perasaan yang kuat mengarah ke suatu bentuk tingkah laku atau perilaku. Proses emosi ini berlaku dengan pelbagai keadaan yang memungkinkan wujudnya emosi positif atau negatif. Keindahan emosi pastinya terasa apabila berlaku tindak balas daripada emosi yang berkaitan dalam karya.

Emosi positif didefinisikan sebagai pengalaman subjektif iaitu penilaian positif seseorang terhadap pengalaman-pengalaman emosi yang berlaku dalam kehidupannya yang terlihat pada

perluasan pemikiran dan tindakan seseorang individu (Yusuf Fajar & Thomas Dicky Hastjarjo, 2017). Emosi positif ini akan terhasil melalui suatu situasi yang damai dan nyaman bagi sesuatu watak. Emosi positif ini penting kerana seseorang individu tersebut akan memperlihatkan pemikiran yang baik dan keperibadian yang ditampilkan sehingga emosi positif terhasil dalam keadaan yang sangat terkawal dan tidak berlaku sebarang gangguan emosi (Fredrickson, B. L, 2001). Dalam kajian ini, *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT), watak-watak pemimpin Melayu banyak menampilkan emosi-emosi positif yang memperlihatkan kepemimpinan yang dibawa oleh watak-watak pemimpin Melayu dahulu sesuai untuk diteladani oleh pemimpin masa kini khususnya.

Oleh itu, emosi positif merujuk kepada perasaan yang dilalui oleh seseorang yang terbentuk melalui sesuatu kejadian atau perkara. Kajian ini akan meneliti dan menganalisis emosi positif yang terdapat dalam teks iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT) berbantuan dengan gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Psikoanalisis Sigmund Freud.

Sorotan Literatur

Emosi merupakan ekspresi kelakuan yang mempunyai tindakan yang berurutan. Emosi juga suatu perencah kepada institusi kehidupan. Perasaan emosi akan mewarnai kehidupan seseorang individu dalam situasi kegembiraan, kebahagiaan mahupun kesedihan. Emosi sangat memainkan peranan yang penting bagi kehidupan seseorang. Mary Fatimah Subet, (2017) mengatakan bahawa konsep emosi telah menjadi bahan penting untuk beberapa disiplin ilmu sosial seperti antropologi, psikologi dan falsafah. Pembicaraan emosi positif sering difokuskan pada pengalaman manusia malah emosi dilihat suatu gagasan kebudayaan untuk sesuatu interaksi sosial manusia. Selain itu juga, emosi positif yang lahir itu membantu seseorang untuk mengenali peradaban manusia yang berbeza dengan lebih dekat, bukan sahaja antara budaya dengan budaya lain tetapi dari aspek intergender dan intragender. Melalui pandangan Tolman, dalam Amida Abdulhamid (2004) menyatakan setiap emosi mempunyai ciri kecenderungan pada pelaku yang tertentu berdasarkan kesesuaian emosi yang dialami. Emosi ini juga berfungsi sebagai wahana komunikasi bagi individu yang mengalami sebarang emosi. Berdasarkan proses mengalami sesuatu emosi, individu memperlihatkan rasa hatinya tentang sesuatu situasi.

Terdapat beberapa kajian emosi yang melampaui garisan tradisional penyelidikan masa kini. Emosi bersifat dinamik serta telah menjadi salah satu disiplin ilmu yang memfokuskan psikofisiologi, kognitif, kajian budaya, linguistik serta bidang lain. Lebih banyak emosi positif yang dialami oleh seseorang individu itu, semestinya lebih banyak kaedah mengekspresikannya bagi menggambarkan persekitaran sosial. Hasilnya telah tercipta pelbagai teori yang berbeza tentang emosi.

Seterusnya, untuk memudahkan analisis emosi positif dalam teks tradisional iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT), gabungan teori rasa fenomenologi dan teori Psikoanalisis Sigmund Freud akan digunakan sebagai panduan untuk melihat desakan-desakan tidak sedar yang menyebabkan manusia mempamerkan emosi-emosi positif khasnya. Freud membentuk teorinya berdasarkan pemerhatian beliau pada pesakit-pesakit mental. Teori ini memfokuskan pengalaman awal kanak-kanak dan motivasi tidak sedar dalam mempengaruhi tingkah laku. Freud menyatakan emosi yang terganggu disebabkan wujud ketidakseimbangan antara unsur id, ego dan superego.

Plutchick juga telah mengemukakan teori emosi melalui reaksi manusia pada persekitarannya iaitu lapan asas emosi iaitu marah, waspada, jijik, sedih, ngeri, kagum, rela dan gembira (Robert Plutchick, 1980).


Fariza binti Mohd Sham (2005) dalam *Dakwah kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan* kajian berfokus kepada tekanan emosi remaja dari sudut psikologi, fisiologi dan tingkah laku sosial. Kajian ini memberi tumpuan kepada tahap tekanan, faktor-faktor tekanan dan cara-cara remaja menangani tekanan secara positif atau negatif. Selain itu, didapati juga remaja menangani tekanan secara positif iaitu penglibatan dalam program dakwah. Kajian Wan Norliza Wan Mohd Zain (2015), dalam *Kecerdasan Emosi dalam Novel Remaja* memfokuskan kepada kecerdasan emosi dalam novel-novel remaja. Kajian ini memberi penekanan kepada tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh watak-watak remaja berada pada paras yang tinggi. Watak-watak utama remaja dalam kajian ini dapat memperlihatkan pengendalian emosi yang tenang dan positif. Secara tidak langsung, kajian ini memaparkan kajian emosi yang baik bagi membentuk sahsiah remaja yang unggul. Kedua-dua kajian ini menggunakan kaedah kajian teks iaitu novel.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang lepas lebih mengutamakan kajian berbentuk kecerdasan emosi yang melibatkan pelajar, remaja dan pesakit mental sedangkan kajian yang akan dijalankan ini akan menyentuh kepada emosi pemimpin Melayu dahulu yang terdapat dalam teks hikayat Melayu yang terpilih. Kekurangan kajian-kajian seperti ini secara tidak langsung memberi penyebab utama untuk kajian ini dijalankan.

Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Terdapat dua reka bentuk kajian yang diguna pakai dalam kajian ini iaitu kajian kepustakaan dan kajian teks. Kajian ini akan menggunakan dua gabungan teori iaitu teori Rasa Fenomenologi dan Psikoanalisis Sigmund Freud. Teks tradisional iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT) merupakan sumber data utama kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah jadual senarai semak yang dibina berdasarkan teori yang digunakan.

Teori yang digunakan dalam kajian ini merupakan teori yang telah diadaptasi daripada kajian (Nordiana Hamzah, 2014a) yang menggabungkan dua buah teori iaitu Teori Rasa Fenomenologi (TRF) oleh Sohaimi Abd Aziz dan Teori Psikoanalisis (TPF) yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Terdapat pengguguran konsep teori TPF iaitu aspek perkembangan psikoanalisis. Pengguguran tersebut berlaku kerana aspek tersebut tidak dibincangkan dalam menganalisis emosi marah pemimpin Melayu dahulu yang terdapat teks *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Oleh itu, kerangka teori yang akan digunakan dalam menganalisis emosi marah ini dirujuk melalui Rajah 1:



Rajah 1: Adaptasi daripada Nordiana Hamzah, (2014) Penggabungan TRF dan Psikoanalisis Freud (Batasan: Struktur Pemikiran Individu, Neurosis dan Mekanisme Helah Bela Diri).

Teori Rasa Fenomenologi (TRF)

Sohaimi Abdul Aziz (1998), TRF memberikan penumpuan kepada psikologi pembaca yang berasaskan menggunakan unsur psikologi iaitu emosi tetap. TRF menerima konsep peranan emosi dalam teori rasa –dhavani iaitu emosi tetap bukan dimiliki oleh pembaca dan karya sahaja, sebaliknya pengarang (Nordiana Hamzah & Azhar Wahid, 2017a)

Korelatif Objektif

Kajian (Nordiana Hamzah & Azhar Wahid, 2017b) menjelaskan korelatif objektif ialah penentu untuk mengesan emosi dalam karya. Korelatif objektif ini merupakan penentu yang digunakan oleh pengarang dalam penulisan. Oleh sebab itu, korelatif objektif digunakan sebagai penentu yang menghubungkan antara emosi tetap dengan ekspresi sastera.

Teori Psikoanalisis Sigmund Freud (TF) (Batasan Struktur Pemikiran Individu, Neurosis dan Mekanisme Helah Bela Diri).

Teori ini menekankan kepada tiga unsur psikologi iaitu id, ego dan superego. Ketiga-tiga unsur ini akan menghasilkan tingkah laku atau keperibadian seseorang (Nor Nazimi Mohd Mustaffa et al., 2017). Freud menyatakan *id* ialah komponen biologi; *ego* sebagai komponen psikologi dan *superego* ialah komponen sosial dan nilai-nilai moral masyarakat (Nordiana Hamzah, 2014a).

Penggabungan TRF dan TF menghasilkan satu gabungan yang mampu menganalisis evolusi emosi positif dalam *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Evolusi emosi dalam diri pembaca bermula pada peringkat praestetik iaitu pada titik A (rujuk rajah 1) iaitu melibatkan peringkat kognitif iaitu pembaca harus mengambil tahu pengalaman pengarang bagi mengaitkan dengan emosi positif yang hadir. Sohaimi Abd Aziz, (1998), pada peringkat ini pembaca diberi kelonggaran untuk merujuk ke luar karya khususnya mengkaji sejarah karya dan pengkaji. Selain itu, evolusi emosi positif ini akan ke peringkat pengkonkritan estetik iaitu pada titik B. Emosi positif pembaca akan berevolusi dengan tiga peringkat pengalaman estetik pembacaan iaitu peringkat deria, imaginatif dan identifikasi. Seterusnya pada titik C ialah pengadilan estetik iaitu pasca estetik atau emotif kognitif. Kajian ini juga dikaitkan lagi dengan melihat evolusi emosi positif

akan berlaku melalui lingkaran segi tiga X,Y, dan Z (rujuk rajah 1). Pada titik X ialah helah bela diri, titik Y ialah neurosis dan Z ialah struktur pemikiran individu. Pada peringkat ini, dapat dilihat konflik watak timbul dan akan terjadi ketidakseimbangan dalam jiwa watak yang dikenal pasti oleh pembaca melalui tindakan-tindakan watak yang menimbulkan sifat helah bela diri bagi watak yang mengalami neurosis.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan instrumen kajian iaitu senarai semak berdasarkan teori yang digunakan. Berikut merupakan salah satu contoh jadual senarai semak yang digunakan:

Analisis Senarai semak jenis-jenis emosi pemimpin Melayu dahulu dalam teks Hikayat Hang Tuah (HHT)				
Nama watak (m/s)	Petikan teks	Praestetik	Pengkonkritan Estetik /Pengadilan Estetik	Jenis emosi
		Korelatif objektif	Struktur Pemikiran Individu (id, ego & superego)/ Helah Bela Diri / Neurosis	

Rajah 2: Contoh Jadual Senarai Semak Jenis-Jenis Emosi Positif Pemimpin Melayu Dahulu Bagi Teks Hikayat Merong Mahawangsa (HMM).

Hasil Dapatan

Berikut merupakan data yang diperoleh daripada pemerhatian berdasarkan ke atas ketiga-tiga teks Melayu yang terpilih iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Berdasarkan pemerhatian tersebut, kajian ini mendapati satu emosi positif yang paling menonjol dalam penulisan ketiga-tiga teks Melayu dahulu. Data analisis jenis-jenis emosi positif pemimpin Melayu dalam teks Melayu melalui jadual senarai semak dapat dilihat pada jadual 1.

Jadual 1: Jenis-Jenis Emosi Positif Pemimpin Melayu Dalam Teks Melayu.

Teks	Jenis Emosi
Hikayat Raja Pasai (HRP)	Tenaga
Hikayat Merong Mahawangsa (HMM)	Tenaga
Hikayat Hang Tuah (HHT)	Tenaga

Berdasarkan hasil analisis pada jadual 1 di atas, emosi positif pemimpin Melayu dahulu iaitu tenaga dilihat sangat ditonjolkan oleh pengarang pada watak-watak pemimpin Melayu dahulu


dalam teks yang terlibat. Kajian ini mendapati bahawa emosi tenaga sangat sinonim dengan pemimpin Melayu dahulu.

Kajian ini mendapati ketiga-tiga teks Melayu iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT) banyak menampilkan watak-watak pemimpin melayu dahulu yang mengalami emosi tenaga. Emosi tenaga yang diungkapkan melalui korelatif objektif yang berkait dengan watak, peristiwa mahupun situasi yang memperlihatkan keluarbiasaan (Sohaimi Abd Aziz, 1998). Emosi tenaga menggambarkan sifat-sifat seperti keberanian, rendah diri, kesabaran, ketahanan dan sebagainya (Nordiana Hamzah & Azhar Wahid, 2017c). Dalam teks HRP, emosi tenaga banyak ditampilkan melalui watak Raja Pasai, Sultan Malikul Saleh, Sultan Malikul Mahmud, Tun Beraim Bapa, dan Sang Nata. Kehadiran korelatif objektif merupakan salah satu pencetus kepada emosi tenaga dalam HRP seperti jadual 2:

Jadual 2: Sub Emosi Tenaga Dalam Teks HRP

TEKS	KORELATIF OBJEKTIF EMOSI TENAGA
HRP	Kemurahan hati Keberanian Kesetiaan Ketiaan kepada

Korelatif objektif keberanian dilihat telah mencetuskan emosi tenaga dalam teks HRP. Hal ini dilihat melalui watak Sultan Malikul Mahmud yang mempunyai sikap berani dan sanggup berjuang demi rakyat dan negeri di bawah pemerintahannya. Sultan Malikul Mahmud telah bertindak untuk melawan musuh bersama-sama tenteranya tanpa ada rasa takut pada musuhnya. Proses emosi tenaga yang muncul pada watak Sultan Malikul Mahmud ini dapat dilihat melalui proses seperti rajah 3:



Rajah 3: Korelatif Objektif Emosi Tenaga HRP

Seterusnya, korelatif objektif keberanian melawan musuh merupakan pencetus emosi tenaga yang dialami oleh watak Sultan Malikul Mahmud. Menurut Al-Ghazali (1982 & 1995), keberanian merupakan salah satu kunci kepada kepimpinan yang berjaya berasaskan qalb (dalam Khairunneezam Noor, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Mahazan A.Mutalib & Wan Mhd Fazrul Azdi Wan Razali, 2019). Keberanian yang diperlihatkan oleh watak Sultan Malikul Mahmud menunjukkan dirinya merupakan pemimpin yang hebat dan sangat disegani oleh rakyat di bawah pemerintahannya. Hal ini dilihat sewaktu baginda menghadapi serangan

musuh Talak Sejang. Pada peringkat ini, pembaca dapat melihat hubung kait diri dengan pengarang. Dengan kata lain, pembaca, karya sastera dan pengarang berdialog untuk membuah nilai yang harmoni di dalam minda pembaca (Sohaimi Abd Aziz, 1998). Sultan Malikul Mahmud sangat berani dan pantang menyerah kalah serta tidak takut untuk melawan musuh. Watak Sultan Malikul Mahmud ini menggambarkan kehebatan dan kepimpinan yang boleh dicontohi oleh pemimpin Melayu kini. Melalui perwatakan Sultan Malikul Mahmud itu, pembaca dapat mengetahui latar belakangnya.

Maka, Sultan pun menyuruh menghimpunkan segala rakyat besar kecil hingga dapat memegang senjata masing-masing dengan senjatanya. Maka, Sultan pun keluarlah sendirinya pergi mendatangi Talak Sejang, maka ia pun keluarlah dari kotanya berdiri di medan bersaf-saf, maka berhadapanlah kedua pihak lasykar itu. Maka, peranglah mereka itu terlalu ramai gegak-gempita* kelam kabut duli berterbangan ke udara, tiadalah berkenalan segala manusia dan bunyi tempik segala hulubalang dan segala rakyat juga yang kedengaran dan gemerengang bunyi segala senjata.

(Russel Jones, 1987, ms.27)

Sultan Malikul Mahmud mengalami emosi tenaga akibat daripada ingin menyelamatkan rakyat-rakyatnya daripada peperangan yang dimulai oleh Tun Haria Jong. Akibat marah dengan tindakan Tun Haria Jong itu, baginda telah memberanikan diri untuk sama-sama melawan musuh yang hebat iaitu Tun Sejang. Keberanian Sultan Malikul itu menunjukkan baginda seorang pemimpin Melayu dahulu yang sangat bertanggungjawab pada rakyatnya. Keberanian Sultan Malikul Mahmud yang berani sehingga dapat menewaskan Tun Sejang sehingga mati.

...maka daripada kedua pihak lasykar itu banyaklah mati dan luka. Bermula panglimanya yang bernama Talak Sejang itu kena panah dadanya terus ke belakangnya lalu matilah ia. Maka, sorak orang Pasai pun gemuruh seperti tagar, kemudian dari itu, maka patahlah perang rakyat Siam itu lalu lari membuang belakang orang Pasai dan yang lepas ke laut itu lalu naik ia ke perahunya lalu ia belayar pulang menuju negeri Siam.

(Russel Jones, 1987, ms.30)

Melalui emosi tenaga ini, pengarang menampilkan unsur instrinsik seperti penggunaan gaya bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. (Sohaimi Abdul Aziz, 1995) Gaya bahasa hiperbola seperti *gegak-gempita* kelam kabut duli berterbangan ke udara, tiadalah berkenalan segala manusia* secara tidak langsung memberi impak yang hebat sehingga mencetuskan emosi tenaga kepada watak Sultan Malikul Mahmud. Latar masa yang ditonjolkan jelas memperlihatkan suasana peperangan yang berlaku mampu mencetuskan emosi tenaga kepada seseorang yang berani dan hebat. Pengarang juga menyetengahkan latar masyarakat yang bersifat kemasyarakatan iaitu masyarakat yang bersatu padu melawan musuh dan masyarakat yang berani serta tidak gentar dengan musuh yang datang menyerang. Berdasarkan penggunaan gaya bahasa, plot dan latar yang bersesuaian, memperlihatkan pembaca dapat menjiwai gambaran yang cuba diperlihatkan dalam penceritaan pengarang teks HRP.

Struktur pemikiran manusia dikaitkan dengan Freud. Struktur pemikiran individu dalam teks HRP ini dijelaskan melalui aspek dalaman minda untuk watak Sultan Malikul Mahmud yang


menimbulkan emosi tenaga sehingga dirasakan oleh pembaca. Emosi tenaga yang hadir pada watak Sultan Malikul Mahmud ini akibat daripada kehadiran neurosis. Helah bela diri yang diambil oleh Sultan Malikul Mahmud adalah penyaluran emosi tenaga. Id Sultan Malikul Mahmud yang marah dengan serangan yang dilakukan oleh Tun Sejang menyebabkan dirinya turun padang melawan musuh bersama-sama tentera. Disebabkan rasa tanggungjawab baginda pada rakyatnya, Sultan Malikul Mahmud berani melawan Tun Sejang sehingga mati. Ego Sultan Malikul Mahmud bertindak mengikut kehendak id yang ingin melawan Tun Sejang dan superego hanya menurut kehendak id dan ego kerana tindakan id masih lagi dibawah norma-norma masyarakat. Keserlahan emosi tenaga pada watak Sultan Malikul Mahmud sangat ketara demi mempertahankan negeri pemerintahannya daripada ditakluki oleh musuh.

Berikutnya, penampilan emosi tenaga dalam teks HMM. Emosi tenaga ditampilkan dalam penulisan teks Melayu oleh Siti Hawa Salleh pada watak Raja Merong Mahawangsa, Raja Merong Mahapudisat, Raja Besiung dan Raja Benua Siam, Raja Seri Maha Inderawangsa, Raja Seri Mahawangsa, Raja Phra Ong Mahaputisat dan Raja Buluh Betung. Penggunaan korelatif objektif merupakan penggerak kepada kemunculan-kemunculan emosi positif dalam HMM.

Jadual 3: Sub Emosi Tenaga Dalam Teks HMM

TEKS	KORELATIF OBJEKTIF EMOSI TENAGA
HMM	Kesaktian Sikap hero Kemurahan hati Bertanggungjawab terhadap rakyat Keberanian

Teks HMM mewarnakan emosi tenaga dengan korelatif objektif bertanggungjawab terhadap rakyat. Hal ini digambarkan melalui watak Raja Merong Mahawangsa yang sangat bertanggungjawab terhadap kehilangan anak Raja Rum dan bangsa gergasi yang ketiadaan raja. Raja Merong Mahawangsa telah dipertanggungjawabkan oleh Raja Rum untuk mengiringi anaknya ke Benua China bagi berjumpa dengan calon isteri iaitu Tuan Puteri Benua China. Disebabkan kepimpinan dan kehebatan yang dimiliki oleh Raja Merong Mahawangsa ini, Raja Rum memberi kepercayaan kepadanya untuk mengiringi anaknya dengan selamat. Proses emosi tenaga yang muncul dapat dilihat melalui urutan proses seperti dalam rajah 4:



Rajah 4: Korelatif Objektif Emosi Tenaga HMM

Korelatif objektif bertanggungjawab terhadap rakyat merupakan penggerak kepada emosi tenaga yang telah dikesan melalui watak Raja Merong Mahawangsa. Hal ini jelas dapat dilihat sewaktu pemerintahan Raja Merong. Watak Raja Merong Mahawangsa menunjukkan kehebatannya dan kepimpinan yang sangat hebat sehingga dihormati oleh rakyat bawah pemerintahannya.

Perjalanan evolusi emosi tenaga bermula dengan tanggapan pembaca untuk merekonstruksi teks tradisional secara objektif. Pada peringkat ini, secara langsung pembaca dapat melihat hubung kait antara karya dengan diri dan pengarang. Raja Merong Mahawangsa mempunyai kehebatan dan kepimpinan yang hebat. Watak Raja Merong Mahawangsa ini menunjukkan baginda seorang yang sangat menjaga rakyatnya dan tanggungjawab yang diamanahkan akan dijaga sebaik mungkin. Oleh sebab itu, pembaca dapat mengetahui secara tidak langsung bahawa Raja Merong Mahawangsa ini sangat bertanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Oleh itu, dalam teks HMM, pembaca sudah mengetahui latar kehidupan Raja Merong Mahawangsa yang sangat bertanggungjawab dan berkepimpinan sebagai seorang pemimpin Melayu dahulu. Proses emosi tenaga ini dapat dilihat melalui tindakan helah bela diri kerana ingin memperlihatkan dirinya hebat dan dihormati oleh kaum gergasi.

Maka Raja Merong Mahawangsa pun sudah ketahuinya bangsa gergasi lalu ditegurnya dengan manis suaranya mengambil hatinya. Maka segala kaum gergasi itu pun takutlah akan Raja Merong Mahawangsa itu serta hebat sikapnya tiada berlawan pada zaman itu dan yang melihat akan dia itu takut dan gentar sekaliannya daripada segala bangsa. Maka titahnya kepada kepada segala kaum gergasi yang datang itu, 'Adapun beta singgah di sini jikalau baik-baik bicaranya mahulah beta duduk berhenti di sini dahulu sementara menanti khabar anak Raja Rum itu, kalau-kalau ada hidupnya.' Maka sembah segala kaum gergasi itu, 'Patik sekalian pun lebih lagi kesukaan kerana patik sekalian ini tiada menaruh raja pada tempat ini.

(Siti Hawa Salleh, 1991, ms.12)

Raja Merong Mahawangsa mempunyai emosi tenaga yang luar biasa sehinggakan dirinya sangat dihormati oleh rakyat jelata. Perwatakan Raja Merong Mahawangsa yang berani dan tenaga, tidak takut, tidak tertekan dan mampu berkeyakinan menghadapi kaum gergasi telah menampilkan kreadibiliti emosi tenaga yang ada pada dirinya. Bangsa gergasi berasa takut kerana mengetahui Raja Merong Mahawangsa ini seorang pemimpin yang tidak adaandingannya dari segi kehebatan.

Maka titahnya kepada kepada segala kaum gergasi yang datang itu, 'Adapun beta singgah di sini jikalau baik-baik bicaranya mahulah beta duduk berhenti di sini dahulu sementara menanti khabar anak Raja Rum itu, kalau-kalau ada hidupnya.' Maka sembah segala kaum gergasi itu, 'Patik sekalian pun lebih lagi kesukaan kerana patik sekalian ini tiada menaruh raja pada tempat ini.

(Siti Hawa Salleh, 1991, ms.12)

Dalam karya ini juga, pengarang menampilkan unsur instrinsik sebagai pemancing minda pembaca. Sohaimi Abd Aziz, (1998) bersifat deskriptif itu dapat mempengaruhi keberkesanan pengalaman estetik pembaca. Gaya bahasa hiperbola yang digunakan secara berlebih-lebih

untuk menggambarkan sikap hero sesuatu watak itu untuk menyerlahkan emosi tenaga oleh pengarang dapat memberikan impak emosi kepada pembaca seperti perkataan hebat sikapnya tiada berlawanan (Nordiana Hamzah, 2014b). Latar yang ditampilkan adalah sesuai kerana ia menunjukkan pada zaman pemerintahan dulu. Pengarang juga mempersembahkan latar masyarakat dalam karya ini lebih bersifat kemasyarakatan iaitu menampilkan masyarakat yang patuh pada pemimpin, masyarakat yang menghormati serta masyarakat yang berjiwa rakyat. Pemilihan diksi perkataan hebat menggambarkan kekuasaan dan kepimpinan yang dimiliki oleh watak Raja Merong Mahawangsa sangat luar biasa. Teknik dialog yang digunakan turut memberi kesan bagi pembaca memahami dengan baik cerita yang disampaikan oleh pengarang. Menurut Irfariati, (2013) berpendapat diksi yang menarik dan tepat yang dipamerkan oleh pengarang mampu menarik fokus pembaca. Oleh itu, pemilihan diksi ini amat bertepatan dalam teks hikayat secara tidak langsung memperlihatkan secara jelas emosi tenaga yang ditampilkan pada watak Raja Merong Mahawangsa.

Pada pengkonkritan estetik diperkemas dengan struktur pemikiran minda manusia oleh Freud. Struktur pemikiran minda teks HMM ini dijelaskan aspek dalaman minda bagi watak Raja Merong Mahawangsa yang mampu menimbulkan emosi perlakuan watak yang akan merangsang emosi pembaca. Emosi dalaman Raja Merong Mahawangsa berevolusi dalam tempo sublimasi sebagai suatu mekanisme helah bela diri. Id Raja Merong Mahawangsa terlalu risau akan keberadaan anak Raja Rum yang hilang sehingga dirinya sanggup berhenti di suatu bahtera yang mempunyai bangsa gergasi demi menunggu khabar anak Raja Rum. Disebabkan rasa tanggungjawab yang telah diamanahkan Raja Rum, maka Raja Merong Mahawangsa sangat berperikemanusiaan. Ego Raja Merong Mahawangsa bertindak memuaskannya id iaitu bertindak mengikut norma superego iaitu mengikut sahaja kehendak id yang ingin menunggu perkhabaran tentang anak Raja Rum. Jelas terpamer emosi tenaga melalui tindakan Raja Merong Mahawangsa. Berdasarkan korelatif objektif yang wujud, maka timbullah emosi tenaga bagi watak Raja Merong Mahawangsa dalam teks HMM.


Dalam teks HHT, emosi tenaga ini tidak berakhir kepada suatu bentuk emosi sahaja kerana emosi ini juga berasosiasi dengan emosi-emosi lain bagi menonjolkan pada akhir cerita. Teks HHT ini ditulis oleh Kassim Ahmad menunjukkan emosi tenaga sangat berperanan dalam menyerlahkan setiap watak-watak pemimpin Melayu dahulu. Emosi tenaga yang ditonjolkan oleh Kassim Ahmad sememangnya terserlah pada watak pemimpin Melayu dahulu seperti watak Raja Melaka, Laksamana Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Bendahara dan Sang Sapurba.

Emosi tenaga dalam teks HHT ini dapat dilihat melalui watak hero iaitu watak Laksamana Hang Tuah. Emosi tenaga yang luar biasa yang menyebabkan dirinya tiada terlawan dan tiada siapa dapat melawan kebijaksanaan dan kesaktiaan sehingga Laksamana Hang Tuah ini digeruni orang yang ingin menyerang negeri Melaka. Dalam teks HHT ini, beberapa korelatif objektif dikenalpasti sebagai pencetus emosi tenaga seperti dalam jadual 4:

Jadual 4: Sub Emosi Tenaga Dalam Teks HHT

TEKS	KORELATIF OBJEKTIF EMOSI TENAGA
HHT	Jati diri Kemurahan hati Keberanian melawan musuh Maruah Kehebatan melawan musuh Kesaktian

Korelatif objektif keberanian telah menerbitkan emosi tenaga dalam diri Laksamana Hang Tuah, manakala laluan evolusi emosi marah bagi teks HHT telah menjadikan nilai-nilai positif seperti jati diri, kemurkaan hati, menjaga maruah, kesaktian dan kehebatan melawan musuh sebagai korelatif objektif. Maksud jati diri seperti yang dinyatakan dalam Chambers 21st Century Dictionary (2004) yang membawa penerangan “ *the state or quality of being a specified person or thing; who or what a person or thing is*” (Muhammad Hilmi Jalil & Mohd Yusof Hj. Othman, 2017). Seseorang yang memiliki jati diri yang baik akan memimpin ke arah kebaikan dan jati diri yang dipamerkan memperlihatkan keunggulan dan kehebatannya sebagai seseorang yang layak dicontohi. Emosi tenaga yang dimiliki oleh pemimpin Melayu dahulu itu akan menunjukkan dirinya sangat disegani dan dihormati oleh raja, menteri dan rakyat biasa. Bertitik tolak dari sikap jati diri inilah watak utama dalam teks HHT disokong dengan jati diri yang kental bagi menyalurkan tenaga luar biasa bagi mewarnakan lagi watak Laksamana Hang Tuah. Proses emosi tenaga yang wujud bagi watak Laksamana Hang Tuah seperti rajah 5:

**Rajah 5: Korelatif Objektif Emosi Tenaga HHT**

Watak Laksamana Hang Tuah digarapkan dengan mempunyai jati diri yang utuh. Sikap berani, patuh, kuat semangat, pantang menyerah kalah, bijaksana dan taat setia. HHT memaparkan kisah perjalanan Laksamana Hang Tuah yang hampir sama dengan kehidupan pembaca. Proses pengkonkritan estetik akan berlaku secara terarah dan terkawal. Emosi tenaga jelas terpamer menerusi petikan berikut:

Jika engkau hendak tahu , akulah hulubalang Yang Dipertuan Melaka yang tiada berlawanan di tanah Majapahit. Jika selagi ada kerisku dua bilah ini dan anak panahku yang sembilan ratus sembilan puluh ini bahawa sekali-kali Tun Teja ini tiada aku kembalikan,” serta dipanahnya ditujunya kepala perahunya

kenaikan Laksamana itu lalu patah. Maka dipanahnya pula, ditujunya temberang; kena, lalu putus. Maka ditujunya pula kemudi; itu pun kena, lalu patah

(Kassim Ahmad, 1997, ms. 229)

Daripada petikan, dilihat emosi tenaga Laksamana Hang Tuah yang mempunyai kehebatan dan jati diri yang berani, pantang dicabar dan tidak gentar melawan musuh. Jelas terlihat emosi tenaga pada diri Laksamana Hang Tuah saat ada yang cuba menghalang dirinya dari membawa Tun Teja ke Melaka.

Seterusnya, emosi tenaga ini dikembangkan dengan keberanian Laksamana Hang Tuah untuk membawa Tun Teja ke Melaka supaya dirinya dapat diterima kembali oleh Raja Melaka setelah dihalau akibat firnah menteri. Jika dilihat pada musibah yang berlaku, Laksamana Hang Tuah tidak pernah berputus asa walaupun dirinya sering menjadi mangsa dengki dan fitnah manusia akibat daripada kebijaksanaan dan kesaktian yang dimilikinya. Emosi tenaga ini sinonim dengan perwatakan pahlawan atau pemimpin Melayu dahulu yang hebat dan sakti pada zaman dahulu. Laksamana Hang Tuah tidak pernah menunjukkan rasa dendam kepada Raja Melaka sebaliknya selalu memberi kebaktiannya pada Raja Melaka dan negeri Melaka khususnya.

"Ceh! Beroleh lawanlah aku! Insya Allah Taala, jangankan seorang, jika empat puluh orang sekalipun mengamuk, tiada kuendahkan. Sahaja kupenggal lehernya..

(Kassim Ahmad, 1997, ms. 305)

Petikan di atas memperlihatkan jati diri Laksamana Hang Tuah yang berani dan tidak takut walaupun diserang oleh empat puluh orang yang mengamuk sekalipun. Seorang pemimpin yang bersedia berkorban adalah pemimpin yang akan menjadi contoh kepada rakyatnya (Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2015). Laksamana Hang Tuah telah bertindak sebagai pemimpin yang proaktif dalam membuat keputusan untuk kebaikan rakyat negeri Melaka. Sifat berani menghadapi musuh itu menunjukkan Laksamana seorang pemimpin yang bersedia berkorban masa dan tenaga demi ketaatannya pada raja dan negeri. Kassim Ahmad telah memerikan perwatakan Laksamana Hang Tuah yang penuh jati diri dan berani seperti dalam petikan:

katanya, "Cih! Manatah hulubalang Majapahit maka tiada terkembali orang mengamuk sekian ini?" Maka Laksamana pun berbangkit berdiri serta disingsing tangan penduanya lalu melompat terjun di atas peseban lalu berdiri sambil berlari-lari pergi mendapatkan orang mengamuk itu. Setelah datang ke tengah pasar itu, dilihat oleh Laksamana banyak orang mengamuk itu.

(Kassim Ahmad, 1997, ms. 175)

Gaya bahasa yang digunakan oleh Kassim Ahmad dapat memberikan impak emosi tenaga kepada pembaca. Teknik pemerian yang digunakan secara tidak langsung memperjelaskan perwatakan Laksamana Hang Tuah. Pemilihan diksi seperti *peseban* yang bermaksud tempat mengadap raja-raja. Pemilihan perkataan bersesuaian dengan situasi yang cuba digambarkan pada zaman dahulu. Pengarang Kassim Ahmad juga memasukkan teknik dialog dalam menampilkan variasi teknik bercerita agar difahami oleh pembaca. Latar yang ditampilkan oleh

Kassim Ahmad seperti latar masa dan latar tempat dapat pembaca gambarkan berlaku pada zaman pemerintahan Raja Melaka. Pada peringkat pengkonkritan estetik pula, Kassim Ahmad sebagai pengarang memperlengkapkan dengan personaliti individu kepada tiga sistem iaitu id, ego dan superego. Dalam HHT, Laksamana Hang Tuah jelas sekali mencapai watak yang sempurna kerana superego menguasai sebahagian besar tenaga dalamnya, maka peribadinya telah bertindak pada hal-hal yang bersifat moral dan cuba untuk mencapai kesempurnaan. Walaupun idnya marah dan merasa tercabar dengan tindakan musuh namun egonya dapat menjadi penjaring dan superego yang dapat memerhati dan menyelia tindakan id dan ego. Pemikiran Laksamana Hang Tuah setiasa positif dan bertindak sebagai seorang pemimpin yang taat pada ketua dan ketaatan serta kesetiaan pada ketua sangat diutamakan. Laksamana Hang Tuah dapat mengatur emosi tenaganya mengikut norma superego. Dengan ini, dapat dilihat emosi tenaga yang ditampilkan pada watak Laksamana Hang Tuah ini merupakan suatu emosi yang positif dan tidak mengalami sebarang ketidakseimbangan emosi.

Penutup

Dengan ini dapat disimpulkan emosi tenaga dalam ketiga-tiga teks yang terlibat iaitu *Hikayat Raja Pasai* (HRP), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT) telah menonjolkan watak-watak pemimpin Melayu dahulu yang mempunyai emosi yang seimbang. Ketiga-tiga pemikiran pengarang telah memperlihatkan emosi tenaga yang dibawa oleh watak pemimpin Melayu ini mampu dijadikan contoh dan teladan untuk pemimpin masa kini berdasarkan aspek kepimpinan dan juga pemerintahan yang diterajui. A. Samad Said memperkatakan bahawa korelatif objektif yang bagus mampu memberikan suatu gambaran secara rambang tentang emosi yang ingin ditonjolkan oleh pengarang bagi memudahkan pembaca memahami teks tersebut (Nordiana Hamzah, 2014a). Kesimpulannya, emosi tenaga menjadi emosi positif yang sering ditonjolkan dalam penulisan pengarang melibatkan teks Melayu dahulu.

Penghargaan

Kertas kerja ini berdasarkan projek penyelidikan bertajuk “PEMBANGUNAN KERANGKA MODEL KECERDASAN EMOSI KEPIMPINAN MELAYU DAHULU DAN SEKARANG BERDASARKAN PEMIKIRAN PENGARANG SENI UNTUK MASYARAKAT”; Geran FRGS (FRGS/1/2018/SS102/UPSI/02/1) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rujukan

- Amida Abdulhamid (2004). *Persoalan Dendam dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Cohn, M. A., & Fredrickson, B. L. (2009). *Positive emotions*. In S. J. Lopez & C. R. Snyder (Eds.), *Oxford library of psychology. Oxford handbook of positive psychology* (p. 13–24). Oxford University Press.
- Era Hidayah. (2012). *Hubungan Antara Emosi Positif Yang Dialami Mahasiswa Dengan Prestasi Akademik Pada Mahasiswa FKIP Unila Tahun Akademik 2011/2012*.
- Fredrickson, B. L. (2001). The role of positive emotions in positive psychology: The-broaden-and-build theory of positive emotions. *American Psychologist*, 56(3), 218-226.
- Irfariati. (2013). Diksi dalam Retorika Anas Urbaningrum. *Madah*, 4(April).
- Khairunneezam Noor, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Mahazan A.Mutalib, & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2019). Empat Sifat Mulia yang Utama dalam Kepemimpinan Berasaskan Qalb : Pelajaran daripada I ḥ y ā ’ ’ Ul ū m al-D ī n oleh Imam Al-Ghazali (450-505H / 1058-1111M). In Mohd Azmir Mohd Nizah, Mashitah Sulaiman, &

- Adibah Sulaiman @ Mohamad (Eds.), *Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami* (Issue October). Pusat Pengajian Teras, USIM.
- Mary Fatimah Subet. (2017). Emosi dan Ironi dalam Puisi Usman Awang: Tafsiran Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 17(2), 305–333.
- Muhammad Hilmi Jalil, & Mohd Yusof Hj. Othman. (2017). Jati Diri Manusia: Antara Islam Dan Barat. *Jurnal Hadhari*, 97–110.
- Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang, & Aminudin Basir@Ahmad. (2017). Tingkah Laku Beragama Menurut Freud. *Akademika*, 87(3), 91–101.
- Nordiana Hamzah. (2014a). Evolusi Emosi Novel Zaharah Nawawi. *Ijazah Doktor Falsafah Kesusasteraan Melayu*, 8(33), 44.
- Nordiana Hamzah. (2014b). *Evolusi Emosi Novel Zaharah Nawawi*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nordiana Hamzah, & Azhar Wahid. (2017a). Emosi Takut dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12(February), 57–70.
- Nordiana Hamzah, & Azhar Wahid. (2017b). Emosi Takut Dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi. *Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris*, 4271, 57–70.
- Nordiana Hamzah, & Azhar Wahid. (2017c). Emosi Takut Dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi. *Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris*, 4271(February), 57–70.
- Roselena Mansor, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2015). Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45(2015), 143–154.
- Sohaimi Abd Aziz. (1998). *Rasa-Fenomenologi Sebagai Satu Teori Pengalaman Estetik: Satu Kajian Karya-Karya A. Samad Said*. 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Sohaimi Abdul Aziz. (1995). Rasa-Fenomenologi sebagai satu Teori Pengalaman Estetik: satu kajian karya-karya A.Samad Said. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Wan Norliza Wan Mohd Zain. (2015). *Kecerdasan Emosi dalam Novel Remaja* (Vol. 16, Issue 2) [Universiti Malaya, Kuala Lumpur]. <https://doi.org/10.1377/hlthaff.2013.0625>
- Yusuf Fajar, & Thomas Dicky Hastjarjo. (2017). Peran Pandangan Dunia dan Emosi Positif terhadap Kepribadian Multikultural. *Gajah Mada Journal Of Psychology*, 3(2), 110–122.
- file:///C:/Users/LENOVO/Downloads/Peran_Pandangan_Dunia_dan_Emosi_Positif_t
erhadap_K.pdf